

Pelajar UPSI hasil penanda elak jemaah tertukar beg

HARIAN METRO 20/6/2023 M/S: 14

Ipoh: Sekumpulan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghasilkan gelang penanda beg yang dinamakan sebagai Reminder Art Craft bagi membantu jemaah umrah di Tanah suci Makkah daripada masalah tertukar beg atau bagasi.

Penghasilan penanda yang menggunakan getah elastik, velcro tape, benang sulam, labuci, manik dan butang membabitkan lima pelajar daripada Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) UPSI bagi memenuhi keperluan kursus Insan Guru Profesional (KPG3013) membabitkan Projek Santun Masyarakat.

Seorang pelajar berkenaan, Muhammad Syahmi Syahbuldin, 23, berkata idea bagi menghasilkan penanda beg itu tercetus selepas mengadakan se-



Harleny pamer 'Reminder Art Craft' dihasilkan pelajar UPSI.
(Foto BERNAMA)

si kuliah bersama penyelaras kursus, Dr Harleny Abd Arif yang berkongsi pengalaman beliau melaksanakan umrah sebelum ini.

Muhammad Syahmi yang berasal dari Sri Aman, Sarawak, berkata idea itu juga tercetus apabila mereka berjumpa satu agensi yang membawa jemaah untuk mengerjakan haji dan umrah iaitu Tiram Travel (Tiram Travel) Sdn Bhd cawangan Tanjung Malim pada Mei lalu.

"Mereka memberitahu beberapa masalah sering dihadapi jemaah Tiram Travel antaranya sukar kenal pasti beg masing-masing.

"Daripada situ tercetus idea hasilkan produk berbentuk penanda beg ini yang diberi nama Reminder Art Craft," katanya kepada Bernama.

Muhammad Syahmi berkata, untuk penghasilan produk itu, mereka mengambil masa seminggu menyiapkan 50 penanda beg selepas analisis bahan perlu digunakan sebelum bersetuju menggunakan getah elastik sebagai bahan asas produk.

Serah 35 penanda

Pelajar semester lima jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian itu berkata, setiap ahli kumpulan mempunyai peranan masing-masing dalam penghasilan produk.

Sementara itu, rakan kumpulannya, Al Suhaimi Alsime, 23, berkata mereka hanya menghasilkan 50 unit penanda beg itu, dengan 35 daripadanya telah diberikan kepada jemaah umrah Tiram Travel pada bulan lalu.